



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
HOSPITAL KUALA LUMPUR**

## **KENYATAAN MEDIA**

### **ISU TULAR DI MEDIA SOSIAL BERHUBUNG TEMUJANJI YANG LAMA DI KLINIK PAKAR PSIKIATRI DAN KESIHATAN MENTAL, HOSPITAL KUALA LUMPUR**

1. Hospital Kuala Lumpur (HKL) ingin merujuk aduan yang tular di Media Sosial X berhubung dengan ketidakpuasan hati pengadu mengenai tarikh temujanji rawatan rakan beliau di Klinik Pakar Psikiatri dan Rawatan Mental, HKL adalah terlalu lama sehingga 6 bulan.
2. Hasil siasatan mendapati pengadu telah hadir bersama pesakit ke HKL bagi tujuan mendapatkan tarikh temujanji di Klinik Pakar Psikiatri setelah dirujuk pihak klinik kesihatan untuk mendapatkan rawatan lanjut. Susulan itu, pesakit telah menjalani pemeriksaan saringan dan tarikh temu janji yang diberikan adalah berdasarkan keadaan pesakit.
3. HKL sememangnya memandang dan mengambil tindakan serius isu-isu yang melibatkan pengurusan tempoh temujanji yang lama. Untuk makluman, setiap pesakit yang dirujuk ke mana-mana klinik pakar akan disaring bagi menentukan kesesuaian tempoh temu janji untuk diberi kepada pesakit.
4. Adalah menjadi hasrat HKL untuk memberikan perkhidmatan rawatan yang terbaik kepada setiap pelanggan HKL.

**PENGARAH  
HOSPITAL KUALA LUMPUR**

**18 Januari 2024**